

# **Hikmah Kebangkitan daripada Ujian**

## **Penulis:**

Md. Asrul Nasid Masrom<sup>1</sup>, Angzzas Sari Mohd Kassim<sup>2</sup>, Aida Maryani Abd Wahab<sup>3</sup>, Farah Deena Md Rapee<sup>4</sup>, Hawa Omar<sup>5</sup>

## **Emel:**

asruln@uthm.edu.my<sup>1</sup>, angzzas@uthm.edu.my<sup>2</sup>, maryani@uthm.edu.my<sup>3</sup>, fdeena@uthm.edu.my<sup>4</sup>, hawa@uthm.edu.my<sup>5</sup>

**Abstrak:** Buku ini merangkumi kisah-kisah inspiratif dari individu yang berjaya mengatasi cabaran dan ujian dalam kehidupan mereka. Kisah-kisah dalam buku ini menunjukkan bahawa setiap orang tidak pernah sunyi daripada cabaran dan ujian dalam kehidupan mereka. Namun, apa yang membezakan antara individu yang berjaya dan tidak berjaya adalah cara mereka menghadapi cabaran dan ujian tersebut.

Dalam buku ini, para penulis berkongsi strategi dan cara mereka bangkit daripada cabaran dan ujian, serta bagaimana mereka menghadapi keadaan yang sukar, melalui proses pemulihan dan akhirnya dapat merasai manisnya kejayaan setelah berjaya menangani cabaran tersebut.

Pengalaman adalah guru yang paling baik dan merupakan proses yang menjadikan seseorang itu matang serta berhikmah. Namun, kita tidak hidup selama-lamanya untuk mengalami semuanya. Belajarlah daripada pengalaman orang lain. Kita akan dapat mempercepatkan proses pembelajaran dan mencegah diri daripada sakitnya ujian.

**Kata Kunci:** Cabaran, ujian, proses, pengalaman, hikmah



# Hikmah

KEBANGKITAN DARIPADA UJIAN

EDITOR

MD. ASRUL NASID MASROM  
ANGZZAS SARI MOHD KASSIM  
AIDA MARYANI ABD WAHAB  
FARAH DEENA MD RAPEE  
HAWA OMAR

  
**Penerbit**  
**UTHM**



# Hikmah

KEBANGKITAN DARIPADA UJIAN



# Hikmah

KEBANGKITAN DARIPADA UJIAN

**EDITOR**

MD. ASRUL NASID MASROM  
ANGZZAS SARI MOHD KASSIM  
AIDA MARYANI ABD WAHAB  
FARAH DEENA MD RAPEE  
HAWA OMAR



© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Editor:

Md. Asrul Nasid Masrom  
Angzzas Sari Mohd Kassim  
Aida Maryani Abd Wahab  
Farah Deena Md Rapee  
Hawa Omar

Diterbit oleh:

**Penerbit UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 8698 / 8529  
No. Faks: 07-453 6145

Dicetak oleh:

**Percetakan Haji Jantan Sdn. Bhd.**

No.12, Jalan 4/118C,  
Desa Tun Razak, Cheras  
56000 Kuala Lumpur.  
No. Tel: 019-621 7896

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: [pemasaran.uthm@gmail.com](mailto:pemasaran.uthm@gmail.com)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
(MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7566-49-8



# Kandungan

Prakata

vii

Penghargaan

ix

## Bangkit Organisasi

- EXCELIB: Norma Baharu Webinar Kepimpinan** 13  
Zaharah Samad (Pengarah PTTA UTHM)

## Bangkit Keluarga

- Menanti yang Pasti** 33  
Aryani Ahmad Latiffi

## Bangkit Kesihatan

- Isu Kesihatan dan Keselamatan Ketika Pandemik Covid-19** 53  
Siti Amirah Othman dan Siti Aisyah Gonawan  
**Ma, Affan Kuat!** 67  
Ida Laila Ahmad

## Bangkit Ketuhanan

- Surat Buat Anak-Anak Perempuan** 85  
Aida Mustapha

## Bangkit Pendidikan

- Pendidikan vs. Kerjaya: Satu Perjalanan yang Tidak Diduga** 93  
Rafizah Mohd Hanifa  
**Untuk Apa?** 105  
Mohd Fakrullah Mahmood

**Bangkit Peribadi**

<b>Dunia Fasilitator: Jalan Dakwahku</b>	137
Mohd Azrai Kamisan	
<b>Jangan Takut-Takut (Berani Mencapai Pulau Impian)</b>	157
Md. Asrul Nasid Masrom	
<b>Kecewa dan Sedih Bersaudara, Jiwa Kuat Selepas Terluka</b>	175
Aspalaila Abdullah	
<b>Kritikan yang Menjadi Resipi Kejayaan</b>	191
Zuraini Tasri	
<b>Syukur, atas Dugaan-Nya</b>	205
Noor Aliza Ahmad	
<i>Biografi Penulis</i>	223

# Prakata

Alhamdulillah. Pertama sekali rasa syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi di atas berkat limpah dan kurnia-Nya terbitlah buku **Hikmah daripada Kebangkitan Ujian** ini.

Penghargaan yang tidak terhingga dan ucapan syabas kepada sahabat penulis, penyunting, penerbit dan semua penyumbang idea yang telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi serta semangat yang luar biasa sehingga lahirnya buku ini dengan jayanya. Setiap kisah yang dicoretkan oleh penulis mempunyai kisah tersendiri yang mana ia ditulis ikhlas dari hati dan ia disunting oleh barisan editor yang telah dilantik. Walaupun dalam masa yang sangat singkat, namun semangat yang padu dan kesepakatan dalam kalangan penulis, maka terhasil nukilan rasa untuk tatapan pembaca.

Buku ini sangat istimewa kerana ia adalah kompilasi kisah benar suka dan duka staf UTHM dalam melayari kehidupan masing-masing. Ia juga adalah hasil daripada jaringan kerjasama di antara Kelab Staf (KSUTHM), Pejabat Penerbit dan Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM untuk dijadikan wadah ilmu dan pembakar semangat sahabat-sahabat pembaca di luar sana.

Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Ia adalah kata-kata indah yang dapat digambarkan dalam usaha semua warga UTHM yang sentiasa cekal dan bersatu hati dalam berdepan dengan apa jua situasi untuk memastikan UTHM terus menjadi sebuah lubuk ilmu yang cemerlang. Pastinya, setiap kesukaran dan kekusutan boleh terlerai dengan adanya kesepakatan. Diharapkan dengan terhasilnya buku ini ia dapat meningkatkan lagi pencapaian UTHM di masa akan datang.

**Patah sayap bertongkat dada,  
Anak kedidi di hujung penjuru.  
Mengerah kudrat selagi terdaya,  
Di gelangang ini kejayaan diburu.**

Moga terus gemilang!

Salam ikhlas,

**Dr. Asrul Masrom**

Ketua Editor

Hikmah daripada Kebangkitan Ujian



# Penghargaan

Assalamualaikum wbt dan Salam Malaysia Madani.

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah SWT dan dengan besar hati, saya ingin berterima kasih dan ucapan tahniah kepada semua penulis, editor-editor, Pejabat Penerbit dan PTTA atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam menghasilkan buku Hikmah daripada Kebangkitan Ujian.

Saya percaya ia bukanlah satu perkara yang mudah. Namun begitu, adalah tidak mustahil untuk menghasilkan buku ini bagi menyebarluaskan semangat yang positif berdasarkan kisah-kisah penulis dengan adanya kesatuan hati yang ikhlas. Saya dimaklumkan, penulis yang terlibat dalam penghasilan buku Hikmah daripada Kebangkitan Ujian ini adalah terdiri pelbagai latar belakang, bidang tugas, pengalaman dan bakat yang berbeza, di mana ia terdiri daripada staf pentadbiran dan juga staf akademik. Ini jelas menunjukkan setiap antara kita semua mempunyai set kemahiran dan bakat yang unik, dan menjadi tanggungjawab kita menggunakan dengan sebaik mungkin. Apabila kita melakukan bahagian kita sebaiknya, maka komuniti yang kuat, inovatif dan untuk sebaik semua berdaya tahan sendirinya.

Selain daripada itu, usaha murni ini juga sebenarnya *reflect* mengenai pertumbuhan dan perkembangan peribadi kita sendiri. Apabila kita mencabar diri untuk menghasilkan sesuatu daripada amalan biasa, ia akan menuntut bukan sekadar untuk melakukan yang terbaik, malah kita akan mempelajari kemahiran baharu, mengembangkan pengetahuan baharu dan menjadi versi diri kita yang baharu dan tentunya lebih baik lagi. Dalam pada masa yang sama, semangat kerjasama yang tinggi juga boleh dibentuk dengan usaha-usaha sebegini.

Oleh itu, saya menggesa kepada semua pembaca untuk menjalankan peranan anda dengan komited, melakukan yang terbaik dan bekerjasama sebagai satu pasukan. Sama ada anda seorang ahli akademik atau pentadbir mahupun pelajar serta sebagai ahli keluarga umumnya, sumbangan anda adalah penting dan dihargai dalam pembangunan UTHM yang lebih mantap.

Saya percaya bahawa minda yang sihat adalah penting untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan peribadi dan profesional kita. Marilah kita menggembungkan tenaga dan menyumbang sepenuh komitmen kepada diri sendiri dan antara satu sama lain untuk menjaga prestasi kita bersama. Menjalani gaya hidup sihat bukan sahaja meningkatkan kesihatan fizikal kita, tetapi ia juga mempunyai kesan positif terhadap kesihatan mental kita, produktiviti kita dan kebahagiaan kita keseluruhannya.

Seperti yang diriwayatkan oleh hadis Bukhari, "Ada dua nikmat yang kebanyakan manusia tertipu kerananya, iaitu nikmat kesihatan dan nikmat kesempatan". Oleh itu, mari kita memberi komitmen kepada diri sendiri dan orang tersayang untuk menjaga kesihatan diri dengan lebih baik lagi, dan menjadikan hari ini sebagai titik permulaan untuk mewujudkannya.

Akhir kata, sekali lagi tahniah kepada semua yang terlibat dalam pembangunan buku Hikmah daripada Kebangkitan Ujian ini. Saya amat berharap kita dapat memanfaatkan wadah ini sebaiknya.

Sekian, terima kasih.

**Profesor Dr. Yusri Yusof**



# Bangkit Organisasi

# **EXCELIB:** *Norma Baharu Webinar Kepimpinan*

Zaharah Samad,  
Pengarah PTTA UTHM

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan oleh kerajaan berikutan penularan wabak Covid-19 telah merubah 360 darjah rutin sehari warga Malaysia khususnya. Cabaran dunia era VUCA makin menjadi realiti yang memerlukan pengurusan tertinggi di sesebuah jabatan perlu membuat perancangan yang bersifat mudah alih (*agility*). *Work from home*, istilah baharu bagi menjalankan tugas sebagai penjawat awam untuk mengekalkan kualiti perkhidmatan sedia ada di era pandemik Covid-19 walaupun tidak berada di pejabat. Bilakah PKP akan tamat? Segalanya tiada kepastian. Kerjasama daripada pelbagai pihak sangat penting menyokong usaha-usaha kerajaan dalam bersama-sama membendung penularan wabak COVID-19 ini.

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19, sektor perkhidmatan perpustakaan adalah salah satu sektor yang tidak terkecuali dalam senarai sektor yang terpaksa ditutup buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, peranan perpustakaan dalam membangunkan masyarakat dan negara melalui perkhidmatan dan sumber maklumat tidak boleh dihentikan meskipun dalam tempoh pandemik ini. Secara fizikal, perpustakaan tidak mampu untuk memberi perkhidmatan kepada pengguna, namun seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan masih boleh diakses secara dalam talian.

Hikmah Kebangkitan daripada Ujian

13



# Menanti yang Pasti

Aryani Ahmad Latiffi

Kebahagiaan adalah milik setiap insan. Kebahagiaan merangkumi pelbagai aspek seperti aspek kekeluargaan, pekerjaan, kerohanian dan keagamaan serta kebendaan atau *material*. Ada yang mengatakan bahawa kebahagiaan perlu dicari supaya seseorang itu dapat memperolehi kebahagiaan *total* seperti yang diimpikan. Kebahagian yang ingin dikecapi oleh setiap insan itu berbeza-beza mengikut kepada keadaan dan juga impian. Ada yang mendapat kebahagian secara *total* dalam aspek pekerjaan seperti pangkat, jawatan, kenaikan gaji dan bonus. Ada yang mengecapi kebahagiaan dengan mempunyai keluarga yang lengkap (ada suami, isteri dan anak) dan dapat menghabiskan masa sentiasa bersama ahli keluarga serta ada yang memperolehi kebahagiaan dengan kemampuan untuk memperolehi barang-barang berjenama dan mewah seperti beg, pakaian dan kasut setiap masa. Ada juga yang mendapat kebahagiaan dengan melihat dan menumpang kebahagiaan orang lain seperti ibu dan ayah melihat kejayaan anak-anaknya dalam bidang pendidikan dan pekerjaan. Maksud kebahagiaan itu adalah subjektif bagi setiap insan tetapi yang pasti untuk memperolehi kebahagiaan seperti yang diimpikan, ianya melibatkan perancangan, usaha dan keyakinan diiringi dengan doa untuk mencapai kebahagiaan tersebut.

Hikmah Kebangkitan daripada Ujian

33



Bangkit Kesihatan

# Isu Kesihatan dan Keselamatan Ketika Pandemik COVID-19

Siti Amira Othman dan Siti Aisyah Gonawan

## Cabaran Isu Kesihatan Mental

COVID-19 telah banyak memberikan impak negatif terutamanya kepada kesihatan mental petugas barisan hadapan, penjawat awam, pekerja swasta dan pelajar yang mana semuanya terlibat secara langsung dalam melaksanakan perintah kawalan pergerakan. Gangguan dalam kesihatan mental memberikan implikasi kepada kehidupan sehari-hari mereka seperti perubahan waktu tidur, perubahan cara pemakanan serta boleh mengganggu pemikiran seorang individu yang mana individu berkenaan tidak dapat berfikir dengan baik. Oleh itu, mereka akan lebih mudah untuk berasa sedih, mudah berputus asa dan kemurungan sekiranya masalah kesihatan mental yang dihadapi tidak dirawat segera. Situasi ini semakin meruncing dari hari ke hari.

Selain itu, berikutan penularan wabak pandemik koronavirus (COVID-19) di seluruh negara, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan di negara ini mulai 18 Mac 2020. Ia merupakan satu usaha nasional untuk mencegah penularan wabak koronavirus yang sedang menular hebat dalam kalangan masyarakat. Perintah kawalan yang dilaksanakan telah memberikan impak kepada ekonomi, sosial, politik dan secara tidak langsung telah

Hikmah Kebangkitan daripada Ujian

53



## 7 Julai 2022

Riuh-rendah suasana di gelanggang Daiman Sri Cempaka sempena Kejohanan Bola Baling peringkat daerah Johor Bahru yang sedang berlangsung. Puluhan penonton terdiri daripada kalangan guru dan ibu bapa bersorak teruja memberi sokongan kepada pasukan masing-masing. Sengit saingen kali ini, 24 pasukan yang bertanding mempunyai reputasi yang bukan calang-calang. Mataku meliar ke luar gelanggang. Terlihat kelibat anak-anak pasukan Sekolah Kebangsaan Taman Megah Ria sibuk memanaskan badan sambil mendengar *tips* daripada jurulatih. Ya, giliran mereka selepas ini, getus hatiku. Pusingan suku akhir semestinya bukan mudah, namun tiada yang mustahil. Bangga! Itu yang terlintas difikiranku. Untuk ke tahap ini, bagi pasukan yang baru berusia dua bulan sememangnya luar biasa. "Macam mana puan? Hebat *goalkeeper* kita hari ini, banyak *try* yang dia dapat *save*" ujar Cikgu Rizu, jurulatih pasukan tersenyum menyapaku. "Ya, alhamdulillah cikgu. Hari ini hari bertuah dia" sahutku gembira.

## 7 Julai 2019

"Are you his mother?" tanya seorang lelaki kepadaku. Terpampang nama Doktor Robert di bajunya. "Yes, I am. So, how's my son

Hikmah Kebangkitan daripada Ujian

67





# *Surat Buat Anak-anak Perempuan*


Aida Mustapha

Cinta ini bukan cinta tiga segi tapi cinta tiga titik pada satu garis lurus, yang mana letaknya aku adalah pada titik pertama dalam gusar dan duka untuk menuju Tuhan pada titik yang akhir sedang kau adalah titik yang menghijabku di tengahnya.

Anak-anak perempuanku,

Suatu ketika dulu di saat kau dalam kandungan, aku merawat diriku dalam bayangan aku merawat kamu. Kau kukandung dengan sepenuh pengharapan dalam sangkaan. Setiap hari aku leka mendoakanmu, kau itu sempurna tanpa pernah aku melihat rupamu, kau itu sihat tanpa pernah aku menyentuh kulitmu dan kau itu rapi tanpa pernah aku mengusap rambutmu. Setiap hari bayangan kebahagiaan kelak melahirkan kamu semakin memuncak dan semakin bertambahlah kedalaman kasih sayang dan cintaku kepadamu, tiap malam berganti siang dan tiap gelap berganti terang.

Setelah itu, kau pun lahir dan tiadalah satu saat pun aku mengabaikanmu. Memberi kau makan dan nyaman mendahului diri aku sendiri. Doa-doa aku tidak pernah lekang dari sisimu, ketika kau mula merangkak, duduk dan bertatih, kemudiannya berlari, menari, meneroka penuh seloka. Bahkan bayang pengharapan aku mula bersulam kerisauan dan kekhawatiran, akan apa jua kekurangan



Hikmah Kebangkitan daripada Ujian

85



# Bangkit Pendidikan

# Pendidikan vs. Kerjaya: Satu Perjalanan yang Tidak Diduga

Rafizah Mohd Hanifa

Setiap makhluk di dunia ini sudah ditentukan rezekinya masing-masing. Begitu juga dengan saya. Saya yakin dengan rezeki yang Allah berikan dan sentiasa bersyukur dengan apa yang ada agar nikmat yang diperolehi ini tidak ditarik balik oleh-Nya. Berbicara berkenaan latar belakang pendidikan dan kerjaya, langsung tidak terlintas di benak kepala ini untuk menjadi seorang pensyarah di universiti awam suatu hari nanti. Apatah lagi sejak dari kecil lagi, saya mempunyai cita-cita yang berubah-ubah. Sekejap hendak jadi doktor, sekejap hendak jadi olahragawati, sekejap hendak jadi pelakon dan sekejap hendak menjadi pramugari. Zaman saya belajar dahulu, kebanyakan rakan-rakan saya memang menjadikan pramugari sebagai pilihan cita-cita kerana masing-masing gilakan *glamour* dan kerjaya ini dianggap hebat kerana dapat menaiki kapal terbang selain dapat melancong ke negara luar.

Bila difikirkan kembali zaman kanak-kanak, sejak di bangku sekolah lagi, saya sememangnya seorang yang tiada keyakinan diri untuk memberi pendapat atau cadangan kepada orang lain. Saya sentiasa berasa bahawa cadangan atau pendapat saya langsung tidak bernalas, tidak menarik atau dalam bahasa kasarnya, cadangan bodoh. Saya memilih untuk berdiam kerana merasakan itulah yang terbaik demi tidak ditertawakan rakan-rakan. Kehidupan keluarga yang agak susah ketika itu membuatkan saya tekad untuk bekerja

Hikmah Kebangkitan daripada Ujian

93




# Untuk Apa?

Mohd Fakrullah Mahmood

**Limau mandarin rasanya masam,  
Dibeli dari rumah seberang.  
Bersemangat jiwa diri berazam,  
Mencapai matlamat untuk cemerlang.**

"Suatu hari nanti akan aku genggam segulung PhD". Hah, berangan! Iya, berangan. Bukankah berangan itu percuma? Tiada nilai yang dikenakan ke atasnya. Tiada salahnya menyulam angan-angan yang yang baik seperti itu. Bukankah mengejar ilmu itu satu kewajipan ke atas setiap manusia? Bukankah ilmu yang dicari itu boleh bersifat formal atau juga bersifat santai? Mencari bekalan ilmu dunia ni untuk bekalan ukhrawi. Itu sunnah. Rasulullah SAW telah bersabda: "Barang siapa yang keluar untuk mencari ilmu atau menuntut ilmu, maka dia adalah orang yang berjihad fisabilillah sehingga ia kembali" (HR at-Tirmizi). Mulia bukan? Telah aku mulakan dengan angan-angan dan niatkan dalam hati untuk ke arah itu. Aku berharap akan menemui jalan yang seterusnya. Bermula dengan angan-angan itulah telah terbentuknya naratif dan haluan hidupku, maka aku cuba untuk sematkan di sini. Mungkin tidak sehebat dokumentari 'TV', aku hanya berharap ia mampu mengubah persepsi umum suatu hari nanti.



Hikmah Kebangkitan daripada Ujian

105

# *Self-Talk: Kawan atau Lawan?*

*Angzzas Kassim*

Cuaca di luar kelihatan terang-benderang dek matahari yang memancar terik. Namun kepanasananya tidak dirasai kerana berada di dalam kelas berhawa dingin, nyaman. Terdengar suara pelajar tenggelam timbul bersama bunyi kerusi kuliah yang diseret ke sana ke sini. Sementara menunggu semua pelajar memenuhi ruang kelas untuk memulakan kuliah pertama kursus 'Pengenalan kepada Teknologi Kejuruteraan Kimia', Aku tersenyum melihat gelagat anak-anak yang pertama kali menjekak kaki ke menara gading ini. Ada yang memasuki kelas dengan tersenyum memandang Aku. Ada yang menundukkan muka mungkin masih malu-malu, dan ada juga yang tidak perasan kewujudanku, mungkin kerana terlalu asyik berbual dengan rakan baharu. Inilah keadaan lazim bagi pensyarah di mana-mana Universiti setiap kali bermula sesi kuliah pertama pelajar tahun satu.

Walaupun sudah bertahun-tahun mengajar, Aku masih lagi teruja setiap kali berjumpa pelajar baharu yang masuk ke program akademik kami, Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dengan Kepujian (BNN). Kuliah pertama mereka untuk pengajian empat tahun di sini bagiku amat penting dan bermakna. Waktu inilah pawagam-minda mereka mula Aku tayangkan dengan filem perjalanan hidup mereka sepanjang empat tahun akan datang. Apa yang akan mereka pelajari? Apa perkara mengujakan yang mungkin

*Hikmah Kebangkitan daripada Ujian*

121



# Bangkit Peribadi

# Dunia Fasilitator: Jalan Dakwahku

Mohd Azrai Kamisan

Dunia seorang fasilitator mungkin jarang diperkatakan oleh masyarakat umum. Biasanya perbualan dan perdebatan di mana-mana ruang amat jarang dan kadang-kadang sahaja menyentuh perkara ini. Kemungkinan topik ini hanya diminati oleh golongan yang sememangnya telah biasa bergelumang dengannya sahaja ataupun bagi mereka yang baharu hendak menceburi bidang tersebut.

Seikhlasnya, penulis mula berjinak dengan dunia fasilitator sejak menjalani program induksi di Mersing, Johor. Ini adalah disebabkan rakan penulis yang dikenali sejak tahun 1991 itu yang telah berjaya menarik penulis ke dalam dunia fasilitator ini. Biarlah penulis menggelarkan beliau selaku mentor.

Bermula dengan permohonan melalui pengisian borang, dan kemudian dipanggil untuk sesi temuduga. Antara perkara yang ditanyakan ialah:

"Kalau kami adakan program di **HUJUNG MINGGU** (ayat ini ditekankan oleh panel) dan kami tidak cukup fasilitator, jika kami panggil saudara, tanpa sebarang bayaran, adakah saudara sanggup?"

Maka, dengan penuh yakin dan iltizam pasti sahaja penulis menyanggupinya.

Hikmah Kebangkitan daripada Ujian

137

# Jangan Takut-takut (Berani Mencapai Pulau Impian)

Md. Asrul Nasid Masrom

Tanggal 1 Mei 1976 merupakan detik yang paling bahagia buat kedua pasangan Asmah binti Majid dan Masrom bin Sumantra. Ia adalah detik kelahiran bayi yang tidak cukup bulan dan dilahirkan melalui proses pembedahan. Sejak saat itu, bayi yang merupakan anak keenam diberi nama Md. Asrul Nasid Masrom dibesarkan oleh atuk dan nenek di sebuah ladang yang dipanggil Ladang Kekayaan. Bayi ini terpaksa diserahkan kepada atuk dan nenek atas beberapa faktor antaranya kesihatan ibu yang tidak mengizinkan. Masa berlalu begitu pantas, 13 tahun diasuh dan dijaga bagai anak sendiri sebelum kembali tinggal bersama emak dan abah di sebuah ladang bernama Ladang New Paloh. Sebuah ladang yang hanya mempunyai 16 buah rumah sahaja dan hanya mengharap bantuan enjin generator untuk bekalan elektrik. Televisyen dapat berfungsi, suis di dinding dapat menyalakan lampu hanya sekitar jam 4 petang sehingga jam 11 malam sahaja. Selebihnya, lampu pelita ayam dan lampu gasolin menjadi pengganti menerangkan ruang rumah kami. Kehidupan tetap bahagia tanpa sebarang rungutan. Arwah abah yang telah pergi meninggalkan kami pada tahun 2004 merupakan buruh kasar di ladang kelapa sawit ini. Emak pula berniaga nasi lemak dan kuih muih setiap pagi di hadapan pasar pekan Paloh. Siapa yang tak kenal nasi lemak Mak Mah di Paloh? Sebut nama Mak Mah pasti semua akan kenal. Bertuah rasa diri bila emak sendiri menjadi antara figura utama di pekan Paloh.

Hikmah Kebangkitan daripada Ujian

157

# Kecewa dan Sedih Bergaudara, Tips Kuatkan Jiwa Selepas Terluka

Aspalaila Abdullah

Sekali hati terguris, parutnya membekas selama-lamanya. Menyembuhkan luka itu adalah satu perjalanan yang amat panjang dan penuh dengan air mata. Kita pastinya pernah merasai kekecewaan dalam kehidupan. Perjalanan sebuah kehidupan sudah pasti ada jatuh dan bangun. "Move on" adalah ayat yang selalu dilontarkan dan didengari kerana kehidupan harus diteruskan. Adakalanya rasa kecawa membuatkan individu memposisikan dirinya sebagai hamba kepada perasaan dan emosi yang terganggu berpunca dari situasi atau peristiwa yang dialaminya. Kekecewaan menjadi lebih meletihkan dan mengundang kebingungan atau stres yang mendalam dan jika tidak diatasi mampu memberi kesan yang mendalam terhadap kehidupan.

Banyak perkara yang terjadi di dalam hidup yang tidak pernah kita bayangkan sebelumnya. Mulai dari rasa bahagia, marah, malah sedih turut menjadi perasaan yang hadir dalam hidup kita. Tidak terkecuali rasa kecawa yang mana ianya berpunca dari diri sendiri ataupun orang lain. Seakan sudah menjadi sahabat yang tidak dapat dipisahkan, kekecewaan muncul tanpa kita sedari. Mungkin, kita merasa bahawa kita telah melakukan semua yang terbaik, meletakkan pelbagai macam harapan untuk kebaikan, tetapi ternyata pada hakikatnya ianya tidak seperti yang diinginkan.

Hikmah Kebangkitan daripada Ujian

175

# *Kritikan yang Menjadi Resipi Kejayaan*

Zuraini Tasri

Kritikan adalah suatu perbuatan yang boleh mendatangkan makna yang mendalam kepada seseorang yang menyampaikan dan yang menerimanya. Kritikan yang pedas akan menjadikan telinga yang mendengarnya akan kepanasan dan membakar sehingga ke lubuk hati manakala kritikan yang membina akan memberi satu inspirasi di dalam kehidupan.

## **Menurut kamus dewan dan pustaka:**

**Definisi :** 1. analisis, penilaian dan teguran terhadap karya seni, sastera, dsb: seseorang penulis harus menerima baik segala ~ yg jujur; pd masa ini banyak tersiar ulasan dan ~ mengenai sajak dan cerpen; kerajaan sedia memberikan perhatian kpd ~ yg dikemukakan dgn tujuan yg baik; 2. teguran keras, kecaman, bidasan; mengkritik 1. membuat analisis dan penilaian tentang karya seni, sastera, dsb: seorang yg tidak pernah menghasilkan sesuatu karya sastera masih dapat ~ cerpen, novel, ataupun sajak; 2. memperkatakan (mengulas dsb) keburukan atau kelemahan sesuatu atau seseorang; ~ hebat (keras, pedas) mengecam, membidas, mencela: menerusi watak-wataknya pengarang ~ pedas akan masyarakat hari ini; dia menafikan pernah menuduh atau ~ penuntut-penuntut maktab tersebut; kritikan 1. kritik (analisis, penilaian, dan ulasan terhadap sesuatu karya sastera dll); 2. kritik (ulasan atau kata-kata) tentang keburukan (kelemahan dsb) seseorang atau sesuatu, kecaman;

Hikmah Kebangkitan daripada Ujian

191

# Syukur, atas Dugaannya

Noor Aliza Ahmad

"Ya Allah...Janganlah Kau bebankan kami beban yang berat sebagaimana telah Kau bebankan kepada orang sebelum kami....

"Ya Allah...Janganlah Kau pikulkan kepada kami apa yang tidak sanggup kami memikulnya..."

Ampunilah kami dan rahmatilah kami.

Engkaulah Penolong kami, maka tolonglah kami...."

(Al-Baqarah: 286 )

Sedang duduk menghadap komputer, terpandang satu catatan lampau di dalam *blog* yang hampir bersawang sepi tanpa dicoret penulis. Hampir berbulan ditinggalkan tanpa khabar indah untuk memulakan coretan yang caca marba di situ. Membaca coretan hati sendiri di *blog* tersebut, peristiwa lampau ketika diuji terlayar jelas satu persatu di ruang fikiran. Manakan tidak, pahit manis kepayahan diri dalam melayari kehidupan yang Allah tetapkan di muka bumi ini, banyak dicoretkan dalam *blog* picisan tersebut. Biarlah coretan pengalaman indah dan pahit ini menjadi kenangan paling bernilai dalam liputan sejarah hidup penulis di bumi Allah selama 45 tahun. Hanya Dia lebih mengetahui mana yang terbaik buat semua hamba-Nya kerana pentas dunia ini adalah medan ujian buat semua makhluk. Nilai syurga itu sangat mahal, mananya hamba-Nya yang berkeinginan menjejakkan kaki ke sana,

Hikmah Kebangkitan daripada Ujian

205

# Biografi Penulis



**Prof. Madya Dr. Md Asrul Nasid Masrom**

merupakan Profesor Madya di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang berkhidmat sejak 2007. Pada masa ini, beliau adalah Penyelidik Utama di bawah Pusat Infrastruktur Lestari & Pengurusan Alam Sekitar. Pendidikan dalam bidang pembinaan bermula di UTM, Skudai di mana beliau memperolehi Diploma Ukur Bahan (1997), Ijazah Sarjana Muda Bangunan (1999) dan Sarjana Pengurusan Kontrak Binaan (2007). Pada tahun 2012, beliau telah berjaya memperolehi PhD dari *Queensland University of Technology* (QUT), Brisbane, Australia dalam bidang Pengurusan Pembinaan. Sepanjang tempoh pengajian, beliau telah menerima beberapa anugerah antaranya *QUT East West Recognition Award 2009* dan *Outstanding Higher Degree Research (HDR) Student for February 2011 Awards* anjuran *Built Environment & Engineering Faculty*, QUT. Beliau yang berpengalaman selama enam tahun dalam industri pembinaan sebagai Juruukur Bahan ini juga telah diberi peluang menjalankan kajian di peringkat Pasca Doktoral di *University of Melbourne* pada tahun 2019-2020. Beliau juga aktif dalam pembangunan produk inovasi, penerbitan bahan ilmiah samada dalam bentuk jurnal, kertas prosiding, artikel akhbar dan juga pembangunan polisi-polisi kerajaan. Selain itu, kini beliau giat dengan aktiviti-aktiviti perkongsian ilmu bersama pelajar pasca siswazah sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Moto yang dipegang dalam kehidupan adalah "**You cannot make a difference, until you dare to be different**".



**Prof. Madya Ts. Dr. Aida Mustapha** menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer di *Michigan Technological University*, Ijazah Sarjana Sains Komputer (UKM) dan Ijazah Ph.D. (UPM) dalam bidang kepakaran Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*). Beliau kini menyandang jawatan sebagai Pengarah di Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Beliau merupakan jurulatih bertauliah *Microsoft* melalui Akademi Intelek dan Data Analitik (AI. DA), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, UTHM yang menumpukan kepada usaha-usaha pensijilan profesional pelajar dan staf. Beliau juga merupakan Ketua Editor bagi *Journal of Quranic Sciences and Research* dan berpengalaman luas dalam bidang perundingan dan penyelidikan. Selain daripada itu, beliau adalah *Certified Practitioner of Neuro-Linguistic Programming (NLP)*, *Certified Practitioner of Timeline Therapy* dan *Certified Master Practitioner of Hypnotherapy* dan ahli kepada *Malaysia Association of Research Managers and Administrators (MyRMA)*, *ISO/TC 204 Intelligent Transport Systems, Malaysia Board of Technologists* serta *International Association of Counselors and Therapists*.



**Prof. Madya Dr. Aryani Ahmad Latiffi** merupakan pensyarah di Jabatan Pengurusan Pembinaan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, UTHM. Beliau merupakan Alumni Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan *Loughborough University*, United Kingdom (UK). Beliau mempunyai kelulusan di peringkat Diploma dalam Jurusan Ukur Bahan daripada UiTM Shah Alam dan peringkat Sarjana Muda dengan kepujian dalam Pengurusan Binaan daripada USM, Pulau Pinang.

Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian dalam peringkat Sarjana Sains di USM, Pulau Pinang dalam jurusan Pengurusan Projek. Pengajian di peringkat tertinggi iaitu Doktor Falsafah (Ph.D.) adalah di *Loughborough University*, UK dalam bidang Pengurusan Pembinaan. Beliau aktif dengan kerja-kerja penyelidikan dan perundingan berkaitan dengan *Building Information Modelling* (BIM) dan Pendekatan Strategik dalam Pembinaan (*Strategic Approach in Construction*). Beliau merupakan Ketua Unit BIM, UTHM di bawah pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UTHM serta Penyelidik Utama bagi *Virtual Construction Focus Group*, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, UTHM. Selain itu, beliau merupakan ahli berdaftar badan profesional iaitu sebagai *Incorporate Member* (ICIOB) dengan *The Chartered Institute of Building* (CIOB) daripada UK semenjak tahun 2013 sehingga kini.



.....

**Dr. Aspalaila Abdullah** merupakan anak kelahiran Batu Pahat, Johor. Beliau berkhidmat sebagai seorang Pegawai Psikologi Kanan di Pusat Kaunseling Universiti, UTHM sejak 2002. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian dalam bidang Psikologi (UKM), Sarjana Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling (UTM) dan Ijazah Doktor Falsafah (UKM) berfokus dalam bidang Psikologi Industri Organisasi. Beliau merupakan Kaunselor Berdaftar dan mempunyai Perakuan Amalan dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Beliau juga diiktiraf dalam beberapa bidang psikologi dan kaunseling yang lain seperti *Certificate of Colour Vibration Therapy Elementary Course*, *Qualified in Biofeedback 2000*, *Certified Practitioner NEO-CBT*, *Practitioner of Art Drawing-House Tree Person*, Pensijilan Profesional Myers-Briggs Type Indicator dan pelbagai lagi.

Dr. Aspalaila berpengalaman dalam mengendalikan isu berkaitan kaunseling, kesihatan mental, pembangunan sumber manusia, latihan kepada organisasi dan juga pembangunan pelajar. Beliau juga telah terlibat di dalam penulisan beberapa buah buku seperti Menggapai Bintang, Dian Tadbir, Hanya Aku dan Ukirkan Pada Kasih. Sebagai seorang pencinta ilmu, beliau juga telah menyumbang dalam bidang pendidikan sebagai Tutor Sambilan di Universiti Terbuka Malaysia sejak tahun 2012 sehingga kini.

.....



**Dr. Ida Laila Ahmad** dilahirkan di Alor Setar, Kedah Darul Aman dan merupakan ibu kepada enam orang cahaya mata. Beliau menyertai Universiti Tun Hussein Onn Malaysia selaku staf akademik sejak tahun 2004 dan kini bertugas sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Elektronik Kejuruteraan Multimedia (Universiti Multimedia, 2003), Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik-Elektronik Komunikasi (Universiti Teknologi Malaysia, 2006) dan Ijazah Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektronik dengan pengkhususan dalam bidang elektronik perubatan iaitu dari universiti yang sama. Walaupun berlatarbelakangkan pendidikan teknikal, beliau mempunyai minat yang mendalam terhadap bidang penulisan serta aktif menulis risalah teknikal mahupun bukan teknikal. Beliau suka berkongsi pengalaman serta menjadikan penulisan sebagai medan untuk mengekspresikan diri dalam melihat dunia dari perspektif yang berbeza. Sebilangan karya kreatif beliau telah diterbitkan mahupun dikongsi secara digital kepada umum. Karya kali ini diinspirasikan oleh pengalaman peribadi penulis mendepani ujian kehidupan salah seorang anak kesayangannya. "*Menulis dari hati*" - semoga bermanfaat.



**Tuan Mohd Azrai Kamisan** merupakan Penolong Pendaftar di Fakulti Sains Gunaan & Teknologi UTHM. Anak kelahiran Kluang Johor ini memulakan kerjaya di bumi UTHM pada Februari 2002 dan pernah ditugaskan di beberapa Pusat Tanggungjawab (PTj) seperti Pusat Pengajaran & Pembelajaran, Pusat Kokurikulum, Sukan & Kebudayaan, Pejabat Pendaftar, Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan, Pejabat Penerbit dan Pejabat Persekutaran, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan. Sebelum menyertai UTHM, beliau pernah bertugas di Pejabat Kadhi Daerah Kluang dan juga Pejabat Daerah Batu Pahat. Beliau juga pernah terlibat sebagai ahli Majlis Jawatankuasa Kerja Kesatuan Kakitangan Pelaksana UTHM, Ahli Jawatankuasa Kecil KSUTHM juga juruaudit dalaman ISO 9001:2015 serta juruaudit dalaman pematuhan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP). Tuan Mohd Azrai Kamisan merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Sains Politik) (USM) dan Diploma Pentadbiran Awam (UiTM) juga banyak terlibat sebagai juruacara program universiti serta program motivasi di peringkat institusi kerajaan dan swasta, universiti dan juga sekolah. Penglibatan beliau dalam penulisan adalah lebih kepada penulisan di blog peribadi sejak 2007.



**Tuan Mohd Fakrullah Mahmood** merupakan anak jati Johor kelahiran Batu Pahat. Beliau berkhidmat sebagai Pembantu Pustakawan di Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), UTHM dan telah bertugas selama 13 tahun di UTHM sejak 2009. Kini, beliau bertugas di Unit Pendidikan Pelanggan, Seksyen Literasi Maklumat, PTTA dan merupakan seorang Pengajar Kelas Literasi Maklumat Perpustakaan. Berpengalaman dalam pelaksanaan pengurusan perpustakaan, beliau telah

ditempatkan di beberapa unit selaras dengan pengetahuan beliau. Bagi mencabar diri, beliau telah menyambung pengajian secara pendidikan jarak jauh (PJJ) ketika sedang berkhidmat sebagai penjawat awam. Beliau dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian) (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat) daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) (2016), beliau kemudiannya menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan memperolehi Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Maklumat (2019) (UiTM) bagi memantapkan lagi ilmu pengetahuan berkaitan dengan pengurusan khususnya berkaitan dengan pengurusan maklumat sama ada secara teori dan praktikal. Beliau seorang yang aktif sejak zaman sekolah dengan penulisan, fotografi dan melukis. Beliau telah membantu menerbitkan majalah sekolah sebagai Ahli Jawatankuasa (AJK) penerbitan, membantu menerbitkan majalah fakulti (AJK kerja kursus) semasa di UiTM dan pernah menjadi AJK penerbitan buku panduan PTTA.



**Puan Noor Aliza Ahmad** merupakan anak kelahiran Johor Bahru, Johor dan mempunyai kelulusan Diploma Kejuruteraan Awam, ITM (1998), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari UTM/ITTHO (2000) dan Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Air) di UPM, Serdang (2004). Beliau merupakan seorang Pensyarah Kanan dalam bidang Hidraulik dan Hidrologi di Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), UTHM. Beliau pernah berkhidmat sebagai seorang guru sandaran di Sekolah Menengah Convent, JB sebelum diterima masuk sebagai seorang Tutor di ITTHO pada tahun 2001. Selama 21 berkhidmat di UTHM, beliau telah menghasilkan beberapa karya ilmiah/jurnal dalam bidang teknikal serta terbitan umum.



**Ts. Dr. Rafizah Mohd Hanifa** berkelulusan Sarjana Muda Sains Komputer, USM (1999), Sarjana Sains (Teknologi Maklumat), UUM (2001) dan Ijazah Kedoktoran Kejuruteraan Elektrik, UTHM (2022) merupakan seorang pensyarah di Jabatan Teknologi Maklumat, Pusat Pengajian Diploma, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Beliau merupakan anak kelahiran Pulau Pinang dan telah berkecimpung dalam dunia pendidikan sejak dari tahun 2000 lagi. Ini bermakna sudah lebih 20 tahun beliau bergelumang dalam dunia mendidik anak bangsa. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Jabatan di Jabatan Teknologi Maklumat selama tiga tahun (2016 – 2019), sebelum mengambil keputusan untuk menyambung pengajian di peringkat PhD. Prinsip hidup yang dipegang beliau ialah **“Usah direnung letihnya berusaha, tetapi renunglah manisnya kejayaan”**.



**Dr. Siti Amira Othman** memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Nuklear dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2008 dan mendapat Ijazah Doktor Falsafah Sains Bahan dari universiti yang sama pada tahun 2013. Beliau memulakan kerjaya sebagai seorang pensyarah di Jabatan Fizik dan Kimia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada tahun 2014. Pencapaian terbaik yang pernah diperolehi adalah apabila menghasilkan lebih daripada 100 bab buku pada tahun 2019. Antara tajuk buku yang dihasilkan ialah Elektronik, Kesihatan dan Gaya Hidup, Fizik Kesihatan, Inovasi, Sains dalam Kehidupan Seharian dan banyak lagi. Artikel penulisan beliau pernah disiarkan di Berita Harian, Utusan dan Bernama. Artikel pertama yang diterbitkan di Berita Harian bertajuk ‘Sumbangan Sinaran Mengion dalam Bidang Penyelidikan’. Beliau minat dalam

penulisan diteruskan lagi dengan menghasilkan karya penulisan bersama penulis lain bagi tujuan penerbitan di dalam atau di luar negara.

.....



**Tuan Zuraini Tasri** dilahirkan dan dibesarkan di Batu Pahat, Johor. Beliau telah bertugas selama 25 tahun di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) semenjak tahun 1996, beliau telah memulakan kerjaya sebagai Pembantu Perpustakaan dan kini beliau telah berkhidmat sebagai Penolong Pustakawan di Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), UTHM. Beliau ditugaskan di Unit Pengurusan Ilmu, Bahagian Aplikasi Teknologi Digital, PTTA. Sepanjang khidmat, beliau berpengalaman menerajui beberapa bahagian dan unit di perpustakaan dan sama-sama membantu membangunkan perpustakaan sehingga kini. Beliau dianugerahkan Diploma Pengurusan Maklumat daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada tahun 2015 dengan menyambung pengajian secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) ketika sedang bertugas sebagai pembantu pustakawan. Beliau juga banyak terlibat dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan setempat. Beliau seorang yang aktif sebagai fasilitator bagi program-program motivasi, *team building*, jati diri dan kepimpinan yang melibatkan agensi kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar sekolah, kolej-kolej pengajian dan IPTA/S. Beliau banyak menulis modul-modul program motivasi, *team building*, jati diri dan kepimpinan sebagai simpanan sendiri dan rujukan rakan-rakan fasilitator yang terlibat. Beliau juga aktif dalam penulisan secara sambilan dan Cerpen Projek Penyejuk Mata pernah diterbitkan di surat khabar Sinar Harian, pertandingan menulis puisi 25 tahun UTHM dan koleksi beribu-ribu pantun UiTM di hatiku.